



ABDULLAH Ahmad Badawi melancarkan buku Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) sambil diperhatikan Najib Tun Razak dan Samsudin Osman di Pusat Konvensyen Putrajaya, semalam.

# PM jamin usaha gigih tiada kejadian buruk peserta PLKN

KUALA LUMPUR 23 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara peribadi memberi jaminan kerajaan akan berusaha gigih memastikan tiada kejadian buruk berlaku kepada para peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Beliau berkata, usaha itu melibatkan perancangan dan mengadakan peraturan bagi memastikan para peserta bebas daripada berhadapan dengan perkara tidak baik.

"Ini termasuklah memastikan bahawa jurulatih PLKN terdiri daripada mereka yang benar-benar berkemampuan dan berwibawa serta boleh menjalankan tugas dengan penuh amanah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pu-

sat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Abdullah memberitahu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menerangkan dengan terperinci mengenai perkara yang berlaku terhadap peserta PLKN.

Jelas beliau, MT UMNO turut mengambil ketetapan untuk menyokong kerajaan agar meneruskan program tersebut yang amat penting kepada pembangunan masa depan negara.

"MTUMNO menyokong agar perubahan dilakukan bagi memastikan program tersebut dapat berjalan dengan baik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan," katanya. Semalam Najib memberitahu, Kabinet mahu PLKN diteruskan dengan memberi jaminan akan membuat perubahan bagi memantapkannya

berdasarkan maklum balas dan kajian daripada fasa pertama program itu.

Najib menegaskan, program tersebut akan diteruskan dan kerajaan bersedia menerima maklum balas daripada ibu bapa dan peserta.

Program PLKN sebelum ini dibelenggu beberapa masalah seperti pergaduhan di kalangan peserta dan kes terbaru ialah mengenai seorang jurulatih di tahah kerana disyaki merogol seorang pelatih Kem Merang, Setiu.

Jurulatih berusia 29 tahun yang berasal dari Kampung Bari Besar, Setiu, disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol dan jika sabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak lebih 20 tahun serta boleh dikenakan sebatan.